

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
(SUNGAI SIPUT)**

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM (SUNGAI SIPUT) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan dengan terperinci jumlah keluasan tanah rezab perhutanan dan jumlah kelulusan tanah mengikut pecahan syarikat yang telah diberikan serta aktiviti-aktiviti tanaman syarikat-syarikat tersebut di dalam kawasan Parlimen Sungai Siput.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2020, seluas 986,848.26 hektar atau 47.27 peratus daripada keluasan tanah negeri Perak telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK). Daripada jumlah ini, seluas 123,996.13 hektar adalah kawasan HSK di dalam Parlimen Sungai Siput iaitu Hutan Simpan Kledang Saiong, Hutan Simpan Korbu, Hutan Simpan Piah dan Hutan Simpan Temenggor.
2. Berdasarkan semakan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), setakat ini tiada kelulusan diberikan kepada mana-mana syarikat di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) di kawasan Parlimen Sungai Siput, Perak.

Sekian, terima kasih.